

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### JEMAAH HAJI TERPILIH TIDAK PERLU RISAU JIKA MENGHADAPI KELEWATAN MENDAPAT VISA

**Kuala Lumpur, 30 Julai 2017.** Tabung Haji (**TH**) ingin memaklumkan terdapat sebilangan kecil merangkumi kurang daripada 1% jumlah jemaah haji yang kini menghadapi kesulitan kelewatan penerbangan ke Tanah Suci. Kelewatan ini berkaitan dengan urusan visa haji.

Untuk makluman, kelulusan untuk mendapatkan visa perlu melalui proses yang terperinci untuk setiap jemaah haji termasuk data peribadi, perjanjian tempat penginapan di Makkah dan Madinah, penerbangan, pengangkutan dan sajian serta butiran bayaran kepada pihak berkuasa Arab Saudi.

Kelewatan pengeluaran visa disebabkan terdapat permohonan yang terlalu tinggi dalam sistem tersebut yang terpaksa mengendali jutaan permohonan jemaah haji dari seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, **TH** dan Kedutaan Arab Saudi sentiasa bekerjasama dan memantau pada setiap masa untuk mendapatkan dan mencetak visa jemaah haji yang terlibat termasuk pada hari cuti hujung minggu. **TH** optimis masalah ini dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat dan kesemua para jemaah terpilih akan meneruskan perjalanan dan urusan mereka akan dipermudahkan, insyaallah.

**TH** juga memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi oleh jemaah haji. **TH** juga ingin menasihati agar jemaah haji yang sedang menghadapi masalah kelewatan visa untuk bersabar kerana proses mendapatkan visa haji sedang giat dijalankan.

Para jemaah akan diterbangkan ke Tanah Suci sebaik sahaja visa diperolehi. **TH** turut menyediakan tempat penginapan dan makanan di Kompleks Haji Kelana Jaya kepada jemaah haji yang terlibat, di mana kos berkenaan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak **TH**.

Bahagian Hal Ehwal Awam dan komunikasi Korporat  
Lembaga Tabung Haji

-TAMAT-

---

#### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.